

**TEKS UCAPAN
PROFESOR DR. AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
MAJLIS *FLAG OFF*
PROGRAM CASUARAJAWALI 2025 TO
JAKARTA & BANDUNG**

**19 OGOS 2025 | SELASA | 8.30 PAGI
PERKARANGAN LOBI FF1
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAHI ROBBIL 'AALAMIIN
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL
ANBIYAAI WALMURSALIIN WA 'ALAAALIHI
WASOHBHI AJMA'IN**

YBrs. Profesor Madya Dr. Norazmir Md Nor
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar

YBrs. Puan Nurul Ainun Ahmad Atory
Pengetua Kolej Kediaman Angsana dan Casuarina

YBrs. Encik Sumardianshah Silah
Selaku Penasihat Program Casuarajawali 2025 To
Jakarta & Bandung

Saudara Elmerlorence Tierney Anak Andry
Selaku Pengarah Program

Barisan Staf Residen Kolej Casuarina

Barisan Jawatankuasa Perwakilan Kolej Casuarina
Sesi 2024/2025

Serta hadirin sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita diberikan peluang dan kesempatan ini untuk berada di dalam **Majlis *Flag Off* Program Casuarajawali 2025 To Jakarta & Bandung.**
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh Jawatankuasa Pelaksana Program Casuarajawali atas usaha murni dan komitmen padu dalam menjayakan program

berimpak tinggi ini, yang bukan sahaja merangkumi khidmat komuniti, malah memperkukuh jaringan akademik dan sosial di peringkat antarabangsa.

3. Saya difahamkan, program ini akan berlangsung selama tujuh (7) hari di Jakarta dan Bandung, Indonesia, dengan tujuan mewujudkan usaha sama dua hala serta jaringan antarabangsa antara JPK Casuarina, UiTM Puncak Alam dan kelab/persatuan kesukarelawanan di tiga (3) universiti terkemuka Indonesia iaitu;

- i. **Universitas Negeri Jakarta (UNJ)**

- ii. **Universitas Pendidikan Indonesia (UPI)**

- iii. **Sekolah Tinggi Keguruan dan Ilmu Pendidikan (STKIP)**

4. Saya turut dimaklumkan bahawa dengan tema “**A Heart for ASEAN: Empowering Youth, Embracing Unity**”, program ini bertujuan memupuk semangat kesukarelawanan dalam

kalangan generasi muda serta memperkuat hubungan antara negara anggota ASEAN melalui kerjasama pembangunan komunitas yang mampan.

5. Kerjasama erat ini menzahirkan sinergi padu antara warga UiTM dan universiti di Indonesia, seiring aspirasi UiTM untuk muncul sebagai universiti terkemuka dunia menjelang 2025.
6. Tinggi harapan saya agar pelaksanaan program ini dapat memupuk nilai kesukarelawanan dan empati, menjadikan pelajar lebih peka terhadap keperluan komuniti kurang bernasib baik, sekaligus meningkatkan kesejahteraan serta keharmonian komuniti setempat.
7. Pada masa kini, kurangnya pendedahan menyebabkan penglibatan anak muda dalam program kesukarelawanan semakin merosot.

8. Justeru, usaha Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Casuarina ini wajar dijadikan contoh dalam menyemai semangat bantu-membantu dan kerjasama, serta menyumbang kepada kebajikan dan pembangunan masyarakat.
9. Pihak pengurusan UiTM Cawangan Selangor sentiasa menyokong inisiatif seumpama ini.
10. Saya percaya program ini adalah medium yang efektif untuk memperkenalkan kepelbagaian budaya Malaysia dan Indonesia, sekaligus meningkatkan toleransi dan memelihara warisan seni tradisional dalam kalangan pelajar serta komuniti setempat.
11. Di kesempatan ini, saya menyeru seluruh warga untuk bersama-sama memacu pembangunan bumiputera profesional yang cekap dan berwibawa melalui kurikulum terkini dan penyelidikan

bermutu, dengan berpegang pada nilai kecemerlangan dan integriti.

12. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada Jawatankuasa Pelaksana dan semua pihak terlibat atas usaha menjayakan program ini.

13. Saya berharap agar program ini berjalan lancar, mengharumkan nama negara dan UiTM, menjadi contoh kepada mahasiswa, serta memberi peluang membina kecemerlangan akademik dan kepimpinan, selain dipermudahkan segala urusan perjalanan.

Tanam kelapa di tepi titi,
Buahnya lebat menambah seri,
Anak muda pewaris negeri,
Menabur bakti mencapai visi.

14. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirahim,
saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis
Flag Off Program Casuarajawali 2025 To
Jakarta & Bandung.**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**